MALARKODI SUBRAMANIAM lwn. AMGENERAL INSURANCE BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI PK
[RAYUAN SIVIL NO: 12BNCVC-58-06-2014]
13 JULAI 2015

PROSEDUR SIVIL: *Saman pemula – Perintah deklarasi – Permohonan – Permohonan deklarasi polisi insurans tidak sah – Plaintif mengemukakan saman pemula berasingan daripada tuntutan asal bagi mendapatkan perintah deklarasi – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mempunyai bidang kuasa mengeluarkan perintah deklarasi – Sama ada HMS mengambil kira doktrin stare decisis – Sama ada HMS mempunyai kuasa memanggil semula saksi untuk pemeriksaan balas*

Satu kemalangan jalan raya berlaku antara pencelah dan defendan ('kemalangan tersebut') dan pencelah telah mengalami kecederaan. Pencelah dan defendan masing-masing membuat laporan polis ekoran kemalangan tersebut. Pencelah mengemukakan tuntutan ganti rugi terhadap defendan ('saman'). Plaintif, sebagai syarikat insurans dibenarkan mencelah dalam saman tersebut di bawah s. 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ 1987'). Sebelum saman didengar, plaintif mengemukakan saman pemula di Mahkamah Sesyen ('saman pemula') bagi mendapatkan perintah deklarasi bahawa polisi insurans yang dikeluarkan oleh plaintif kepada defendan tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan setakat kemalangan tersebut sahaja. Dengan itu, plaintif berhak mengelak tanggungan berdasarkan peruntukan di bawah s. 96(3) APJ 1987 untuk membayar ganti rugi berbangkit daripada tuntutan yang dikemukakan oleh pencelah terhadap defendan dalam saman tersebut. HMS memerintahkan agar defendan dipanggil untuk diperiksa balas di bawah A. 28 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi menjelaskan percanggahan kandungan laporan-laporan polis, surat akuan dan pernyataan bersumpah dalam afidavit yang diikrarkan defendan. Setelah meneliti keterangan afidavit dan keterangan lisan defendan, HMS memutuskan bahawa defendan bukan saksi yang jujur. Oleh itu, HMS membenarkan permohonan plaintif. Tidak berpuas hati, defendan merayu terhadap keputusan HMS. Isu-isu yang dibangkitkan dalam rayuan, antara lain adalah (i) bidang kuasa Mahkamah Sesyen mendengar permohonan plaintif; (ii) doktrin s*tare decisis*; dan (iii) HMS terkhilaf apabila, tanpa permohonan oleh mana-mana pihak, memanggil defendan sahaja untuk disoal balas. Defendan menghujahkan bahawa pindaan pada sub-s. 65(5) Akta Mahkamah Rendah 1948 ('AMR 1948') melalui Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010 ('Akta A1382)' hanya memberi kuasa kepada HMS untuk mengeluarkan perintah injunksi dan deklarasi apabila sesuatu kes berada di hadapannya sahaja, iaitu sebagai perintah sampingan dan bukannya dimulakan di Mahkamah Sesyen. Oleh itu, plaintif sepatutnya memohon deklarasi dalam saman tersebut di mana plaintif menjadi pencelah.

Diputuskan (menolak rayuan dengan kos):

(1) Pindaan yang dibuat melalui s. 7 Akta A1382 yang menambah peruntukan sub-s. 65(5) AMR 1948 telah memberi kuasa tambahan kepada HMS untuk melaksanakan kuasa budi bicaranya mengeluarkan perintah injunksi dan deklarasi. Walau bagaimanapun, kuasa tersebut terhad hanya pada mana-mana prosiding di hadapan HMS sahaja yang mana HMS ada bidang kuasa dalam sesuatu tindakan atau guaman itu. (perenggan 14)

(2) Bagi mendapatkan sesuatu perintah injunksi interlokutori, pihak yang memohon hendaklah memohon dengan mengemukakan permohonan dalam sesuatu prosiding yang ada di hadapan mahkamah. Ini kerana permohonan sesuatu injunksi bukanlah satu kausa tindakan yang berasingan. Bagi mendapatkan suatu perintah deklarasi pula, kuasa mahkamah mengisytiharkan hak seseorang di bawah undang-undang diperuntukkan di bawah s. 41 Akta Relif Spesifik 1950. Di bawah undang-undang, permohonan mendapatkan suatu perintah deklarasi merupakan tindakan yang boleh berdiri sendiri dan dengan itu boleh dimulakan melalui satu tindakan berasingan. (perenggan 15 & 16)

(3) Plaintif telah mengemukakan suatu saman pemula yang berasingan daripada tuntutan asal bagi mendapatkan perintah deklarasi. Memandangkan tindakan saman tersebut telah secara jelas dinyatakan dalam tajuk prosiding, permohonan deklarasi dalam saman pemula tersebut merupakan perkara yang berkait secara langsung dengan prosiding yang ada di hadapan HMS dan telah memenuhi kehendak peruntukan sub-s. 65(5) AMR 1948 berkaitan peruntukan 'in any proceedings before it'. Dengan itu, HMS sememangnya berbidang kuasa mendengar dan memutuskan saman pemula tersebut. (perenggan 17 & 19)

(4) Hujahan defendan berkaitan doktrin *stare decisis* dengan merujuk kepada kes *Govinaraju Nagarajan v. Pacific and Orient Insurance Co Bhd* adalah tidak berasas kerana dalam kes itu, pihak insurans telah dibenarkan mencelah oleh HMS dan rayuan ke Mahkamah Tinggi adalah atas kebenaran tersebut. Sebaliknya, dalam saman pemula di hadapan HMS, plaintif setelah dibenarkan mencelah dalam saman tersebut telah mengambil satu langkah tambahan dengan mengemukakan permohonan bagi mendapatkan satu perintah deklarasi. Perkara yang diputuskan HMS dalam saman pemula tersebut sama sekali berbeza dengan apa yang diputuskan dalam kes *Govinaraju Nagarajan*. (perenggan 20 & 21)

(5) Semua faktor yang perlu bagi pemberian suatu perintah deklarasi telah dipenuhi dalam permohonan plaintif dalam saman pemula tersebut. Terdapat hak yang perlu ditegakkan oleh plaintif yang berbangkit daripada polisi insurans yang dikeluarkan kepada defendan. Defendan pula berkepentingan membantah permohonan plaintif. Ini bermakna

wujud pertikaian yang perlu diputuskan dan pertikaian tersebut matang serta terangkum dalam bidang kuasa HMS untuk menentukannya. (perenggan 28)

(6) Jika perlu, mahkamah boleh memanggil mana-mana saksi untuk memberi keterangan. HMS mempunyai justifikasi memanggil defendan untuk pemeriksaan balas bagi mendapat penjelasan mengenai percanggahan yang berlaku dalam laporan-laporan polis serta surat akuan sumpah yang dibuat oleh defendan. Keterangan defendan telah diulas dengan teliti oleh HMS. HMS telah berpeluang mendengar dan melihat keterangan lisan defendan di mahkamah. Oleh itu dapatan fakta HMS tentang kebolehpercayaan saksi sukar digugat kecuali jika terbukti bahawa HMS telah membuat dapatan fakta yang salah. (perenggan 23)

Kes-kes yang dirujuk:

Bank of Canton Ltd v. Dart Sum Timber (Pte) Ltd [1978] 1 LNS 16 HC ***(dirujuk)***
Caxton (Kelang) Sdn Bhd v. Susan Joan Labrooy & Anor [1987] 2 CLJ 36; [1987] CLJ (Rep) 504 HC ***(dirujuk)***
Government Of Malaysia v. Zainal Hashim [1977] 1 LNS 86 FC ***(dirujuk)***
Govinaraju Nagarajan v. Pacific & Orient Insurance Co Bhd [2014] 1 CLJ 1076 HC ***(dibezakan)***
Huo Heng Oil Co (EM) Sdn Bhd v. Tang Tiew Yong [1984] 1 LNS 45 HC ***(dirujuk)***
Low Kum Yoon v. Teh Kim Huah [1977] 1 LNS 67 HC ***(dirujuk)***
Nishimatsu Construction Co Ltd v. Kecom Sdn Bhd [2008] 6 CLJ 149 CA ***(dirujuk)***
Samar Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 1 LNS 147 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 29
Road Transport Act 1987, s. 96(3)
Rules of Court 2012, O. 28 r. 3, O. 38 r. 2(2), (3)
Specific Relief Act 1950, s. 41
Subordinate Courts Act 1948, s. 65(5)

Bagi pihak perayu/defendan - Sakthivel Nagalingam; T/n Chew Gi Boo & Co
Bagi pihak responden/plaintif - Wah Pei Lui; T/n Gan Ho & Razlan Hadri

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali PK:

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) yang telah membenarkan permohonan responden/plaintif untuk satu deklarasi bagi diisytiharkan polisi insurans bernombor A-3-11-0001348 (JVB4065726) yang dikeluarkan responden/plaintif kepada pihak perayu/defendan bagi motokar bernombor PGK 6914 sebagai tidak sah dan tidak berkuat kuasa setakat kemalangan yang didakwa berlaku pada 21 Ogos 2011 di antara defendan dengan pencelah.

[2] Bagi memudahkan rujukan, pihak-pihak akan dirujuk sepertimana di dalam tindakan asal, iaitu plaintif, defendan dan pencelah.

Latar Belakang Rayuan

[3] Satu kemalangan jalan raya telah didakwa berlaku semasa pencelah menunggang motosikalnya bernombor AHL 1423 di Jalan Sungai Pari/Jalan Buntong pada jam 11.30 pagi 21 Ogos 2011 (kemalangan tersebut). Semasa kemalangan tersebut, motokar defendan yang berada di sebelah kanan jalan dikatakan telah secara tiba-tiba memotong dan menghimpit motosikal pencelah lalu bergesel menyebabkan pencelah jatuh dan mengalami kecederaan. Satu laporan polis telah dibuat pencelah pada jam 9 pagi 9 September 2011 (lihat eks. PKR2). Defendan turut membuat satu laporan polis pada jam 9.40 pagi, tarikh yang sama (lihat eks. PKR3).

[4] Pencelah telah mengemukakan tuntutan ganti rugi terhadap defendan dan telah didaftarkan sebagai Saman No. 53-320-03-2012 di Mahkamah Sesyen Ipoh (saman tersebut). Plaintif, sebagai syarikat insurans yang menanggung (penanggung insurans) telah memohon dan telah dibenarkan untuk mencelah di dalam saman tersebut di bawah s. 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987).

[5] Sebelum saman tersebut dibicarakan, plaintif telah mengemukakan Saman Pemula No. B54-2-12/2013 di Mahkamah Sesyen Ipoh (saman pemula tersebut) bagi memohon mahkamah mengisytiharkan bahawa polisi insurans nombor A-3-11-H-013513 yang dikeluarkan plaintif (yang dahulunya dikenali sebagai Kurnia Insurans (M) Bhd) kepada defendan bagi motokar PGK 6914 mulai 10 Mac 2011 hingga 9 Mac 2012 sebagai tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan setakat kemalangan tersebut sahaja. Dengan itu plaintif berhak untuk mengelak tanggungan berdasarkan peruntukan di bawah s. 96(3) APJ 1987 untuk membayar sebarang ganti rugi, kos serta faedah yang berbangkit dari tuntutan yang dikemukakan pencelah terhadap defendan di dalam saman tersebut.

[6] Pencelah, iaitu plaintif di dalam saman tersebut, kemudiannya memohon dan telah diberi kebenaran oleh mahkamah untuk mencelah.

[7] Plaintif dan defendan telah memfailkan afidavit masing-masing. Pencelah gagal memfailkan apa-apa afidavit. Setelah meneliti dan menimbang keterangan afidavit, terutamanya afidavit defendan di lampiran 8, HMS telah memerintahkan supaya defendan dipanggil untuk diperiksa balas di bawah A. 28 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi menjelaskan percanggahan kandungan laporan-laporan polis, surat akuan dan pernyataan bersumpah di dalam afidavit yang diikrarkan defendan.

[8] Setelah meneliti keterangan afidavit dan keterangan lisan defendan, HMS telah memutuskan bahawa defendan bukanlah seorang saksi yang jujur. Berdasarkan prinsip *uberrimae fidei*, HMS telah membenarkan permohonan plaintif bagi mendapatkan perintah deklarasi bahawa plaintif berhak

mengelak tanggungan di bawah sub-s. 96(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dari membayar sebarang ganti rugi yang berbangkit dari tuntutan pencelah terhadap defendan di dalam saman tersebut dengan kos.

[9] Defendan tidak berpuas hati dengan keputusan HMS tersebut dan merayu.

Memorandum Rayuan Defendan

[10] Pihak defendan telah mengemukakan lima alasan di dalam memorandum rayuan. Walau bagaimanapun, alasan empat dan lima adalah sama dan diringkaskan empat alasan defendan tersebut seperti mana berikut:

i) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila gagal mengambil kira keputusan Mahkamah Tinggi berkenaan isu undang-undang yang sama, tidak menurut *stare decisis*;

ii) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal mengambil kira keterangan defendan yang diberi dalam afidavit dan secara lisan tidak dicabar oleh keterangan lain dan oleh itu harus diterima;

iii) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana tidak memberi peluang kepada defendan memanggil saksi sekiranya beliau tidak puas hati dengan keterangan defendan yang tidak dicabar dan kegagalan tersebut telah menimbulkan prejudis kepada defendan; dan

iv) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambil kira wujudnya saman tersebut yang difailkan defendan dan plaintif telah dijadikan sebagai pihak pencelah. Plaintif sepatutnya menghujahkan isu-isu dalam saman pemula tersebut dalam saman tersebut bilamana pihak-pihak boleh memanggil saksi masing-masing.

Analisis Dan Dapatan

[11] Setelah meneliti dan menimbang penghujahan bertulis peguam-peguam, adalah didapati alasan rayuan defendan tertumpu kepada empat perkara utama iaitu:

i) bidang kuasa Mahkamah Sesyen mendengar permohonan plaintif;

ii) doktrin *stare decisis*;

iii) tindakan HMS yang hanya memanggil defendan sahaja untuk disoal balas; dan

iv) keputusan HMS di atas permohonan plaintif.

(i) Bidang Kuasa

[12] Isu bidang kuasa tidak dihujahkan semasa pendengaran di Mahkamah Sesyen. Walau bagaimanapun, peguam defendan telah membangkitkannya di dalam hujahan tambahan bertulis perayu. Memandangkan isu yang

ditimbulkan adalah isu udang-undang dan menyentuh soal bidang kuasa mahkamah, sewajarnyalah ianya dibincangkan dan diputuskan di peringkat rayuan. Lagipun undang-undang telah memperuntukkan bahawa pendengaran rayuan sivil dari mahkamah rendah oleh Mahkamah Tinggi hendaklah didengar secara perbicaraan semula. Seksyen 29 Courts of Judicature Act 1964 memperuntukkan:

> **Civil appeals to be by way of re-hearing**
>
> 29. All civil appeals from a subordinate court shall be by way of re-hearing, and the High Court shall have the like powers and jurisdiction on the hearing of appeals as the Court of Appeal has on the hearing of appeals from the High Court.

Lihat keputusan kes-kes *Samar Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 1 LNS 147; [1974] 2 MLJ 71, *Government Of Malaysia v. Zainal Hashim* [1977] 1 LNS 86; [1977] 2 MLJ 254b dan *Huo Heng Oil Co (EM) Sdn Bhd v. Tang Tiew Yong* [1984] 1 LNS 45; [1987] 1 MLJ 139.

[13] Berhubungan dengan isu bidang kuasa, peguam defendan berhujah bahawa pindaan kepada sub-s. 65(5) Akta Mahkamah Rendah 1948 (AMR 1948) melalui Akta A1382 hanya memberi kuasa kepada HMS untuk memberi perintah injunksi dan deklarasi apabila sesuatu kes itu telah pun berada di hadapannya sahaja, iaitu sebagai perintah sampingan dan bukannya boleh dimulakan di Mahkamah Sesyen. Oleh itu plaintif sepatutnya memohon deklarasi di dalam saman tersebut yang mana plaintif telah pun menjadi pencelah.

[14] Bagi memudahkan rujukan, pindaan yang dibuat melalui s. 7 Akta 1382 yang menambah peruntukan sub-s. 65(5) AMR 1948 adalah sepertimana berikut:

> (5) A Sessions Court may, in respect of any action or suit within the jurisdiction of the Sessions Court, in any proceedings before it:
>
> (a) grant an injunction; and
>
> (b) make a declaration,
>
> whether or not any other relief, redress or remedy is or could be claimed.

Jelasnya pindaan tersebut telah memberi kuasa tambahan kepada HMS untuk melaksanakan kuasa budi bicaranya mengeluarkan perintah injunksi dan deklarasi. Walau bagaimanapun, kuasa tersebut adalah terhad hanya kepada mana-mana prosiding di hadapan HMS sahaja yang mana HMS ada bidang kuasa di dalam sesuatu tindakan atau guaman itu. Dengan erti kata lain, bidang kuasa HMS memberikan perintah injunksi dan deklarasi adalah terhad dan bukan semua permohonan untuk perintah-perintah tersebut boleh didengar HMS.

[15] Dari segi prosedur pula, bagi mendapatkan sesuatu perintah injunksi interlokutori, pihak yang memohon hendaklah memohon dengan mengemukakan permohonan di dalam sesuatu prosiding yang telah ada di

hadapan mahkamah. Ini adalah kerana permohonan untuk sesuatu injunksi bukanlah satu kausa tindakan yang berasingan. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Nishimatsu Construction Co Ltd v. Kecom Sdn Bhd* [2008] 6 CLJ 149; [2009] 2 MLJ 404 di ms. 151 (CLJ); 406 (MLJ) telah memutuskan:

> In our judgment the injunction applied for should have not been granted because there was no pleading against the appellant on which the injunction could issue. It is settled law that the right to obtain an interlocutory injunction is not a cause of action. There must be a cause of action pleaded in the usual fashion before an interlocutory injunction may be applied for and obtained. We consider it unnecessary to do more than refer to the following passage in the speech of Lord Diplock in the *Siskina (Cargo Owners) v. Distos Compania Naviera SA* [1979] AC 210 at p 256:
>
> > … a right to obtain an interlocutory injunction is not a cause of action. It cannot stand on its own. It is dependent upon there being a pre-existing cause of action against the defendant arising out of an invasion, actual or threatened by him, of a legal or equitable right of the plaintiff for the enforcement of which the defendant is amenable to the jurisdiction of the court. The right to obtain an interlocutory injunction is merely ancillary and incidental to the pre-existing cause of action. It is granted to preserve the *status quo* pending the ascertainment by the court of the rights of the parties and the grant to the plaintiff of the relief to which his cause of action entitles him, which may or may not include a final injunction.

Oleh itu, sesuatu permohonan bagi mendapatkan perintah injunksi interlokutori perlulah disandarkan kepada satu prosiding yang telah ada di hadapan mahkamah dan permohonan tersebut perlulah dibuat di dalam prosiding itu sendiri.

[16] Berbeza dengan permohonan bagi mendapatkan suatu perintah deklarasi, kuasa mahkamah bagi mengisytiharkan hak seseorang di bawah undang-undang telah diperuntukkan di bawah s. 41 Akta Relif Spesifik 1950 (Akta 137). Bagi memudahkan rujukan, peruntukan tersebut adalah sepertimana berikut:

> **Discretion of court as to declaration of status or right**
>
> 41. Any person entitled to any legal character, or to any right as to any property, may institute a suit against any person denying, or interested to deny, his title to the character or right, and the court may in its discretion make therein a declaration that he is so entitled, and the plaintiff need not in that suit ask for any further relief:
>
> Provided that no court shall make any such declaration where the plaintiff, being able to seek further relief than a mere declaration or title, omits to do so.

A Jelasnya, di bawah undang-undang, permohonan bagi mendapat suatu perintah deklarasi merupakan tindakan yang boleh berdiri dengan sendirinya dan dengan itu bolehlah dimulakan melalui satu tindakan berasingan.

[17] Berbalik kepada rayuan defendan, plaintif telah mengemukakan suatu saman pemula yang berasingan dari tuntutan asal bagi mendapatkan perintah
B deklarasi. Apakah tindakan plaintif tersebut telah tidak mematuhi kehendak peruntukan sub-s. 65(5) AMR 1948 yang memerlukan tindakan diambil 'in any proceedings before it' sepertimana dihujahkan peguam defendan?

[18] Bagi menjawab persoalan tersebut, keseluruhan tindakan yang ada di hadapan HMS perlulah dilihat. Pertikaian asal adalah di antara defendan
C yang menjadi plaintif dengan pencelah di saman pemula tersebut dijadikan sebagai defendan. Plaintif pula telah berjaya mencelah di dalam saman tersebut. Plaintif mendakwa ada pakatan di antara defendan dengan pencelah untuk menipu plaintif di dalam tuntutan insurans bagi menuntut ganti rugi kemalangan tersebut. Oleh itu plaintif sebagai pihak penanggung insurans
D mengemukakan saman pemula tersebut bagi mendapatkan perintah deklarasi yang pihaknya berhak mengelak tanggungan.

[19] Plaintif, di dalam saman pemula tersebut, secara spesifik di dalam tajuk prosiding (intitulement) telah merujuk kepada peruntukan s. 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987), polisi insurans berkaitan, kemalangan
E yang dipertikaikan dan saman tersebut. Dengan adanya tajuk prosiding tersebut, pihak defendan dan pihak mahkamah telah diberi makluman tentang perkara yang hendak dibentangkan pihak plaintif di dalam permohonannya. Memandangkan tindakan saman tersebut telah secara jelas dinyatakan di dalam tajuk prosiding, adalah didapati bahawa permohonan
F deklarasi di dalam saman pemula tersebut adalah merupakan perkara yang berkait secara langsung dengan prosiding yang ada di hadapan HMS dan telah memenuhi kehendak peruntukan sub-s. 65(5) AMR 1948 berkait dengan peruntukan 'in any proceedings before it'. Dengan itu HMS sememangnya berbidang kuasa mendengar dan memutuskan saman pemula tersebut.

G *(ii) Doktrin Stare Decisis*

[20] Peguam defendan menghujahkan bahawa fakta kes saman tersebut adalah sama dengan kes *Govinaraju Nagarajan v. Pacific & Orient Insurance Co Bhd* [2014] 1 CLJ 1076. Plaintif sebagai pencelah sepatutnya mengemukakan
H kesnya di dalam saman tersebut bagi membuktikan wujudnya frod di pihak defendan. Bagi mengelak beban yang berat bagi membuktikan frod, plaintif mengambil jalan mudah dengan mengemukakan saman pemula tersebut.

[21] Setelah diteliti kes autoriti yang disandarkan defendan, adalah didapati hujahan peguam defendan di bawah doktrin *stare decisis* adalah tidak berasas.
I Di dalam kes *Govinaraju Nagarajan (supra)*, pihak insurans telah dibenarkan mencelah oleh HMS dan rayuan ke Mahkamah Tinggi adalah di atas

kebenaran mencelah tersebut. Berbeza dengan saman pemula tersebut di hadapan HMS, plaintif setelah dibenarkan mencelah di dalam saman tersebut telah mengambil satu langkah tambahan dengan mengemukakan permohonan bagi mendapatkan satu perintah deklarasi. Perkara yang diputuskan HMS di dalam saman pemula tersebut adalah sama sekali berbeza dengan apa yang diputuskan di dalam kes *Govinaraju Nagarajan (supra)*.

(iii) Tindakan HMS

[22] Peguam defendan menghujahkan bahawa HMS telah silap apabila, tanpa permohonan mana-mana pihak, memanggil hanya defendan untuk disoal balas mengenai kandungan afidavitnya dan setelah itu memutuskan keterangan defendan sebagai tidak boleh dipercayai.

[23] Berhubungan dengan keterangan di mahkamah, A. 38 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah berkaitan. Aturan 38 k. 2(2) secara khusus memperuntukkan:

> (2) In any cause or matter begun by originating summons and on any application made by notice of application, evidence shall be given by affidavit unless in the case of any such cause, matter or application any provision of these Rules otherwise provides or the Court otherwise directs, but the Court may, on the application of any party, order the attendance for cross-examination of the person making any such affidavit, and where, after such an order has been made, the person in question does not attend, his affidavit shall not be used as evidence without the leave of the Court.

Sementara itu sub-k. 2(3) pula memperuntukkan:

> (3) Notwithstanding paragraph (1) or (2), the Court may, if it thinks just, order that evidence of a party or any witness or any part of such evidence be given otherwise than by witness statement at the trial or hearing of any cause or matter.

Jelasnya mahkamah boleh, jika didapati perlu, memanggil mana-mana saksi untuk memberi keterangan. Berdasarkan alasan keputusan HMS, adalah didapati bahawa beliau ada justifikasi memanggil defendan untuk pemeriksaan balas di atas alasan bagi mendapat penjelasan mengenai percanggahan yang berlaku di dalam laporan-laporan polis serta surat akuan sumpah yang dibuat defendan.

(iv) Keputusan HMS

[24] Setelah meneliti exh. PKR3, PKR6, PKR7 lampiran 1 dan exh. A dalam lampiran 8, dan setelah meneliti keterangan defendan semasa pemeriksaan balas, HMS mendapati defendan ialah seorang saksi yang tidak jujur. Dengan percanggahan ketara di antara laporan-laporan polis, surat akuan yang dibuat serta afidavit yang diikrarkan defendan, HMS mendapati integriti defendan diragui. Berdasarkan prinsip *uberrimae fidei*, HMS berpuas hati bahawa defendan telah memungkiri obligasinya sebagai pemegang

A insurans terhadap plaintif. HMS mendapati dan memutuskan polisi insurans yang berkaitan tidak boleh dikuatkuasakan terhadap plaintif. Deklarasi bahawa plaintif berhak mengelak tanggungan di bawah s. 96(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk membayar sebarang ganti rugi yang berbangkit dari tuntutan ganti rugi pencelah terhadap defendan di dalam
B saman tersebut telah dibenarkan.

[25] Berhubung dengan permohonan plaintif, undang-undang mengenai permohonan bagi mendapatkan suatu perintah deklarasi adalah jelas. Sepertimana yang dinyatakan di perenggan 16, permohonan deklarasi boleh dibuat bagi menentukan hak seseorang dan permohonan tersebut boleh
C berdiri dengan sendirinya. Permohonan plaintif adalah bagi menentukan haknya di bawah polisi insurans yang dikeluarkan kepada defendan. Penentuan hak tersebut adalah berbangkit dari tuntutan pencelah terhadap defendan yang secara langsung menjejaskan plaintif sebagai penanggung insurans. Oleh itu, tindakan plaintif mengemukakan saman pemula tersebut
D adalah teratur.

[26] Dari segi kuasa memberi perintah deklarasi pula, mahkamah ada kuasa budi bicara yang luas. Walaupun begitu, kuasa tersebut perlulah dilaksanakan penuh berhati-hati dan dengan pertimbangan kehakiman yang betul (lihat keputusan Arulanandom H di dalam kes *Low Kum Yoon v. Teh*
E *Kim Huah* [1977] 1 LNS 67; [1979] 1 MLJ 83).

[27] Sementara itu Siti Norma Yaakob H, di dalam kes *Caxton (Kelang) Sdn Bhd v. Susan Joan Labrooy & Anor* [1987] 2 CLJ 36; [1987] CLJ (Rep) 504; [1988] 2 MLJ 604 telah membuat pemerhatian berikut:

F > Quite apart from the issue of common intention, the defendants have argued that this action is not maintainable by the plaintiff as it is not a party to the first agreement and being a stranger cannot sue on the agreement. I do not consider that this argument holds any merit as the plaintiff is not suing on the agreement as such but is trying to establish a right given to it under the agreement and to that extent, seeks a
G > declaration that it is a tenant of the defendants. P.W. Young in his book on *Declaratory Orders*, 2nd Ed., defines a declaratory judgment as one that does not involve a cause of action in the usual sense and that six factors must be present before there can be a declaratory order. These are:
>
> (1) There must exist a controversy between the parties.
>
H (2) The proceedings must involve a "right".
>
> (3) The proceedings must be brought by a person who has a proper or tangible interest in obtaining the order, which is usually referred to as "standing" or " *locus standi*".
>
> (4) The controversy must be subject to the court's jurisdiction.
>
I (5) The defendant must be a person having a proper or tangible interest in opposing the plaintiff's claims.

(6) The issue must be ripe, ie, it must not be of academic interest, hypothetical or one whose resolution would be of no practical utility.

All these six conditions are met by the facts of this case and there is therefore no merit to the defendants' contention that the plaintiff's claims cannot be maintained.

[28] Setelah diteliti permohonan plaintif di dalam saman pemula tersebut, adalah didapati kesemua enam faktor yang perlu bagi pemberian suatu perintah deklarasi telah pun dipenuhi. Terdapat hak yang perlu ditegakkan plaintif yang berbangkit dari polisi insurans yang dikeluarkan kepada defendan. Defendan pula berkepentingan membantah permohonan plaintif tersebut. Ini bermakna ada pertikaian yang perlu diputuskan dan pertikaian tersebut adalah matang serta berada di dalam bidang kuasa HMS menentukannya.

[29] Telah ambil maklum bahawa suatu perintah deklarasi tidak boleh diberikan sekiranya perkara yang dirujuk melibatkan pertikaian kemungkiran kontrak yang mana relif boleh dipohon oleh pihak yang terkilan dengan mengemukakan tuntutan di mahkamah. Permohonan plaintif boleh dibezakan dari tuntutan kontrak biasa. Tuntutan asal defendan terhadap pencelah adalah di bawah tort kecuaian yang mana plaintif secara langsung terlibat sebagai penanggung insurans. Jadi, apa yang dipohon plaintif adalah bagi mendapat deklarasi bahawa pihaknya berhak melepaskan diri dari tanggungan membayar ganti rugi di dalam tuntutan kemalangan tersebut yang melibatkan defendan dengan pencelah pada 21 Ogos 2011 sahaja. Plaintif bukannya memohon untuk membatalkan keseluruhan polisi insurans defendan. Beban adalah di bahu plaintif untuk membuktikan pihaknya berhak kepada pelepasan tersebut.

[30] Perlu diperhatikan, plaintif juga bergantung kepada sub-s. 96(3) APJ 1987 bagi mengelak tanggungannya. Di bawah peruntukan tersebut, plaintif boleh dikecualikan dari membayar ganti rugi sekiranya mendapat suatu deklarasi dari mahkamah. Peruntukan tersebut adalah sepertimana berikut:

(3) No sum shall be payable by an insurer under subsection (1) if before the date the liability was incurred, the insurer had obtained a declaration from a court that the insurance was void or unenforceable:

Provided that an insurer who has obtained such a declaration as aforesaid in an action shall not become entitled to the benefit of this subsection as respects any judgment obtained in proceedings commenced before the commencement of that action unless, before or within seven days after the commencement of that action, he has given notice to the person who is the plaintiff in the said proceedings specifying the grounds on which he proposes to rely, and any person to whom notice of such an action is so given shall be entitled if he thinks fit to be made a party thereto.

[31] Oleh itu, plaintif boleh memohon satu perintah deklarasi bagi menentukan haknya dan tindakan HMS meneruskan pendengaran permohonan saman pemula tersebut dan kemudiannya membuat keputusan adalah betul.

[32] Berbalik kepada keputusan yang dibuat HMS, alasan keputusan HMS di ms. 4 hingga 16 rekod rayuan tambahan (RRT) telah diteliti. Semasa membuat pertimbangan, HMS telah meneliti keterangan afidavit dan mendapati perlu dipanggil defendan untuk diperiksa balas atas percanggahan yang wujud di dalam dokumen yang dikemukakannya. Keterangan defendan telah diulas dengan teliti oleh HMS seperti yang dapat dilihat di ms. 10 dan 11 RRT. HMS telah berpeluang mendengar dan melihat keterangan lisan defendan di mahkamah. Oleh itu dapatan fakta HMS di atas persoalan kebolehpercayaan saksi sukar digugat kecuali boleh dibuktikan HMS telah membuat dapatan fakta yang salah.

[33] Setelah meneliti nota keterangan di ms. 18 hingga 26 RRT berkait dengan keterangan defendan dan bandingkan dengan eks. PKR3, PKR6, PKR7 lampiran 1 dan exh. A dalam lampiran 8, adalah didapati HMS tidak melakukan kesilapan semasa membuat penemuan fakta tersebut. Dengan itu juga keputusan yang dicapai HMS adalah berdasarkan undang-undang dan fakta yang betul.

[34] Akhirnya, peguam defendan telah merujuk kepada kes *Bank of Canton Ltd v. Dart Sum Timber (Pte) Ltd* [1978] 1 LNS 16; [1978] 2 MLJ 5 yang diputuskan Mahkamah Rayuan Singapura dan berhujah bahawa saman pemula tersebut harus dibatalkan atas dasar pertindihan tindakan (duplicity of action). Dengan hormatnya hujah tersebut tidak boleh diterima. Bagi menjadikan sesuatu tindakan itu bertindih, defendan perlulah membuktikan bahawa permohonan plaintif melalui saman pemula tersebut mempunyai kausa tindakan yang sama dengan saman tersebut. Hakikatnya sudah tentulah kedua-dua tindakan di hadapan HMS tersebut berdasarkan kausa tindakan yang sama sekali berbeza.

Keputusan

[35] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan tersebut, pihak defendan telah gagal membuktikan bahawa HMS semasa menimbang dan memutuskan permohonan plaintif telah melakukan kesilapan di atas persoalan fakta ataupun undang-undang. Dengan itu rayuan defendan sewajarnya ditolak.

[36] Rayuan defendan ditolak dengan kos sebanyak RM2,000 yang perlu dibayar kepada plaintif.